

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Fokus jadi pengeksport	Harian Metro
2	Industri bioteknologi catat pelaburan RM19.14b	Utusan Malaysia
3	BiotechCorp, DECHEMA jalin kerjasama sektor kimia	Berita Harian
4	BiotechCorp, DECHEMA jalin usaha sama	Kosmo
5	BiotechCorp rapatkan jurang dalam pembangunan teknologi, inovasi menerusi kolaborasi	Bernama.com
6	Tawar projek niaga kepada pelabur	Sinar Harian
7	Syarikat permulaan Malaysia, Singapura tawar projek niaga kepada pelabur	Bernama.com
8	Angin kencang timur laut dijangka sehingga sabtu	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 56
TARIKH: 12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)



PENGARAH Eksekutif Dechema Kurt Wagemann (kiri) bersalam dengan Dr Mohd Nazlee pada taklimat media mengenai Achema 2015, semalam.

Oleh Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Malaysia Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) menggariskan strategi untuk meningkatkan nilai kimia tempatan melalui kerjasama dengan syarikat bioteknologi dan kejurute-raan kimia Jerman, Dechema bertujuan mencapai hasrat menjadi pengekspor bersih kimia pada masa akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata, fokus kepada penggunaan kimia berdasarkan material bio dengan nilai tinggi dijangka mampu mengubah kedudukan negara yang kini dilihat menjadi pengimpor bersih kimia dari luar negara.

"Pada ketika ini, jumlah eksport bagi industri kimia hanya berjumlah RM20 bilion dan ia kurang daripada jumlah import iaitu RM55 bilion. Penghasilan kimia berdasarkan bio boleh menjadi pemacu kepada perubahan ini dalam kadar peng-

FOKUS JADI PENGEXPORT

■ **Biotechcorp, Dechema kerjasama garis strategi pertingkat nilai kimia tempatan**

gunaan material bio dalam penghasilan kimia masih rendah," katanya pada taklimat media mengenai Achema 2015 di sini, semalam.

Achema 2015 ialah pameran perdagangan industri proses yang akan berlangsung di Frankfurt, Jerman pada 15 hingga 19 Jun depan.

Beliau berkata, penghasilan kimia berdasarkan material bio boleh menjadi alternatif kepada penggunaan petroleum dalam tempoh

jangka panjang sekali gus menjadi pengganti petroleum yang akan berkurangan pada masa akan datang.

"Kita perlu menggantikan penggunaan petroleum kepada material bio seperti sisir pertanian atau sawit kerana ia tidak akan menjadi kimia bertoksik sekali gus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar. Langkah ini bukan terhad kepada material bio, malah hibrid bagi memastikan industri

kimia lebih efisien pada masa depan," katanya.

Industri kimia berdasarkan material bio mencatatkan pertumbuhan sumbangan 57.5 peratus kepada ekonomi dunia pada 2012 dan dijangka meningkat 5.5 peratus kepada 83.4 peratus pada 2018.

Dalam majlis sama, Biotechcorp menjalankan kerjasama dengan Dechema bertujuan menghubungkan Malaysia dan Jerman dalam aspek pembangunan teknologi dan inovasi serta pendidikan berkaitan industri pemprosesan dan kejurute-raan kimia.

FAKTA
Jumlah eksport industri kimia
RM20 bilion
kurang daripada jumlah import
RM55 bilion

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

Industri bioteknologi catat pelaburan RM19.14b

Oleh NABILA YAŞMIN RAZIB

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Industri bioteknologi negara telah merekodkan pelaburan sebanyak RM19.14 bilion di dalam negara bagi tempoh tiga tahun sehingga 2014, mele过asi sasaran RM9 bilion yang ditetapkan oleh Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP).

Ketua Pegawai Eksekutif Biotech Corp. Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, sejak fasa kedua NBP mula diperkenalkan pada 2011, ia telah merekodkan sebanyak RM3.6 bilion perolehan bagi sektor berkenaan.

Jelasnya, sebanyak 83,400 peluang pekerjaan telah diwujudkan daripada projek-projek yang dijalankan.

"Untuk rekod, NBP menyasarkan 80,000 peluang pekerjaan dan kita telah berjaya mele过asi sasaran," katanya dalam sidang akbar selepas menandatangani cadangan usahasama di antara Biotech Corp. dan Persatuan Kejuruteraan Kimia dan Bioteknologi Jerman (DECHEMA e.V.) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Kaunselor Ekonomi, Komersial dan Perhubungan Persekutuan Kedutaan Jerman, Dr. Wolfram Spelten; Timbalan Pengerusi Majlis Industri Kimia Malaysia (CICM), Muhtar



KURT Wagemann (kiri) dan Mohd. Nazlee Kamal bertukar-tukar dokumen cadangan kerjasama antara DECHEMA e.V. dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Hashim dan Pengarah Eksekutif DECHEMA e.V., Profesor Dr. Kurt Wagemann.

Dalam majlis yang sama, Biotech Corp. telah menandatangani cadangan usahasama dengan DECHEMA e.V bagi memberi peluang kepada kedua-dua buah negara berkongsi kepakaran, sumber dan idea di samping berusaha menembusi pasaran yang inovatif bagi pembangunan produk baharu berdasarkan bioproses dan teknologi.

Mohd. Nazlee berkata, pihaknya percaya usahasama yang dijalankan itu bakal memacu pertumbuhan produk bioteknologi di negara ini.

Sementara itu, Wagemann berkata, pihaknya mengalu-alukan penglibatan pemain-pemain industri bioteknologi dari Malaysia untuk hadir ke pameran terbesar industri pemprosesan, ACHEMA 2015 yang bakal diadakan pada 15 hingga 19 Jun ini di Frankfurt, Jerman.

**KERATAN AKHABAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B5
TARIKH: 12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)**



Wagemann (kiri) dan Mohd Nazlee **bertukar dokumen** di Kuala Lumpur, semalam sambil diperhatikan Timbalan Pengerusi Majlis Industri Kimia Malaysia, Muhtar Hashim (dua dari kiri) dan Penasihat Ekonomi Komersial dan Alam Sekitar Kedutaan Jerman, Wolfram Spelten.

[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]

BiotechCorp, DECHEMA jalin kerjasama sektor kimia

Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp) berharap dapat merapatkan jurang pembangunan teknologi dan inovasi dalam sektor kimia menerusi kerjasama dengan DECHEMA, e.V dari Jerman.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata ini seiring dengan usaha berterusan BiotechCorp untuk mewujudkan kerjasama antara bangsa lebih kukuh dalam sektor bioekonomi.

"Kolaborasi ini akan menyediakan peluang bagi Malaysia dan Jerman untuk berkongsi pengetahuan, peralatan dan sumber sambil meneroka potensi inovatif

bagi pembangunan proses dan teknologi produk berdasarkan bio yang baharu," katanya pada pembentangan pra acara Forum Achema Dunia 2015 dan Pameran bagi Industri Proses di Kuala Lumpur, semalam.

DECHEMA e.V dan BiotechCorp semalam saling bertukar 'cadangan kerjasama'.

BiotechCorp diwakili Nazlee dan DECHEMA oleh Pengarah Eksekutifnya, Prof Dr Kurt Wagemann.

Wujud keperluan

Nazlee berkata, wujud keperluan untuk mencari jalan mendapatkan sumber bagi bahan baharu, sekali-

pun paras bahan bio semasa tidak akan mampu menampung permintaan.

Katanya, industri perlu bermula dari sekarang untuk menggantikan sesetengah daripada bahan kimia menggunakan teknologi berdasarkan bio dengan bantuan kepakaran Jerman.

Achema 2015 yang akan diadakan dari 15 hingga 19 Jun di Frankfurt, Jerman adalah platform inovasi dan sidang kemuncak bagi peserta industri untuk bertukar idea dan pengalaman.

Ia dijangka menarik sekitar 3,800 pempamer dari lebih 50 negara dan 170,000 perwakilan dari lebih 100 negara.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 52
TARIKH: 12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

BiotechCorp, DECHEMA jalin usaha sama

KUALA LUMPUR – Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp) berharap dapat merapatkan jurang pembangunan teknologi dan inovasi dalam sektor kimia menerusi kerjasama dengan DECHEMA e.V (DECHEMA) dari Jerman.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata,



inovatif bagi pembangunan proses

ini seiring dengan usaha berterusan syarikat untuk mewujudkan kerjasama antarabangsa lebih kukuh dalam sektor bioekonomi.

"Kolaborasi ini akan menyediakan peluang bagi Malaysia dan Jerman untuk berkongsi pengetahuan, peralatan dan sumber sambil meneroka potensi

dan teknologi produk berasaskan bio yang baharu," katanya.

Beliau berkata demikian pada pembentangan praacara Forum Achema Dunia 2015 dan Pameran bagi Industri Proses di sini semalam.

Nazlee menjelaskan, industri perlu bermula dari sekarang untuk mengantikan sesetengah bahan kimia menggunakan teknologi berasaskan bio dengan bantuan kepakaran Jerman. - Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)



BiotechCorp Rapatkan Jurang Dalam Pembangunan Teknologi, Inovasi Menerusi Kolaborasi

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- **Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp)** berharap dapat merapatkan jurang pembangunan teknologi dan inovasi dalam sektor kimia menerusi kerjasama dengan DECHEMA e.V dari Jerman.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata ini seiring dengan usaha berterusan syarikat untuk mewujudkan kerjasama antarabangsa lebih kukuh dalam sektor bioekonomi.

"Kolaborasi ini akan menyediakan peluang bagi Malaysia dan Jerman untuk berkongsi pengetahuan, peralatan dan sumber sambil meneroka potensi inovatif bagi pembangunan proses dan teknologi produk berdasarkan bio yang baharu," katanya pada pembentangan praacara Forum Achema Dunia 2015 dan Pameran bagi Industri Proses di sini Rabu.

DECHEMA e.V dan BiotechCorp hari ini saling bertukar 'cadangan kerjasama'.

BiotechCorp diwakili oleh Nazlee dan DECHEMA oleh Pengarah Eksekutifnya Prof Dr Kurt Wagemann.

Nazlee berkata wujud keperluan untuk mencari jalan mendapatkan sumber bagi bahan baharu sekalipun paras bahan bio semasa tidak akan mampu menampung permintaan.

Katanya industri perlu bermula dari sekarang untuk menggantikan sesetengah daripada bahan kimia menggunakan teknologi berdasarkan bio dengan bantuan kepakaran Jerman.

Achema 2015 yang akan diadakan dari 15 hingga 19 Jun di Frankfurt, Jerman merupakan platform inovasi dan sidang kemuncak bagi peserta industri untuk bertukar-tukar idea dan pengalaman.

Ia dijangka menarik sekitar 3,800 pempamer dari lebih 50 negara dan 170,000 perwakilan dari lebih 100 negara.

-- BERNAMA

Tawar projek niaga kepada pelabur

SYARIKAT permulaan Malaysia dan Singapura yang memiliki modal pasaran kira-kira RM45 juta, mula menawarkan projek perniagaan mereka kepada lapan pelabur budiman dan firma modal teroka pada acara Malaysia-Singapura BizPitch 2015 yang julung kali diadakan.

Dalam satu kenyataan semalam, **Technology Park Malaysia Corp Sdn Bhd (TPM)** berkata, acara dua hari di Taman Teknologi Malaysia yang bermula semalam menyaksikan tujuh syarikat permulaan Malaysia dan lapan syarikat Singapura



AZMAN

menawarkan projek perniagaan masing-masing.

Acara itu adalah platform pelaburan dua hala tidak rasmi pertama yang dianjurkan bersama Pusat Inkubasi dan Inovasi Technology Park Malaysia (TPM IIC), Vibazone Sdn Bhd dan firma dana modal teroka dan inkubator Singapura, Appleseed.

Menurut kenyataan itu, kesemua 15 syarikat permulaan itu adalah syarikat berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi.

Antaranya ialah Black Tie Technology, Octove, OohMedia, iGEN Technology

dan CBMTI manakala rakan Singapura mereka adalah Overdrive, Fashory, Trakomatic, Vitalstrak dan Docubuzz.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Azman Shahidin, menyifatkan acara itu akan mengukuhkan hubungan dua hala antara TPM dan Appleseed selain meningkatkan pelaburan rentas sempadan.

"TPM turut merancang mencari peluang kolaborasi dengan rakan di Indonesia, Filipina, Vietnam dan Thailand pada akhir tahun ini," katanya.

Menurutnya, TPM juga memeterai memorandum persefahaman (MoU) membabitkan inisiatif kerjasama inkubasi dengan Bandung Techno Park di Indonesia lewat akhir tahun ini. -Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)



Syarikat Permulaan Malaysia, Singapura Tawar Projek Niaga Kepada Pelabur

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Syarikat permulaan Malaysia dan Singapura yang memiliki modal pasaran kira-kira RM45 juta, mula menawarkan projek perniagaan mereka kepada lapan pelabur budiman dan firma modal teroka pada acara Malaysia-Singapura BizPitch 2015 yang julung kali diadakan.

Dalam satu kenyataan hari ini, **Technology Park Malaysia Corp Sdn Bhd (TPM)** berkata, acara dua hari di Taman Teknologi Malaysia yang bermula hari ini, menyaksikan tujuh syarikat permulaan Malaysia dan lapan syarikat Singapura menawarkan projek perniagaan masing-masing.

Acara itu adalah platform pelaburan dua hala tidak rasmi pertama yang dianjurkan bersama Pusat Inkubasi dan Inovasi Technology Park Malaysia (TPM IIC), Vibazone Sdn Bhd dan firma dana modal teroka dan inkubator Singapura, Appleseed.

Menurut kenyataan itu, kesemua 15 syarikat permulaan itu adalah syarikat berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi.

Antara syarikat permulaan Malaysia itu ialah Black Tie Technology, Octove, OohMedia, iGEN Technology dan CBMTI manakala rakan Singapura mereka adalah Overdrive, Fashory, Trakomatic, Vitalstrak dan Docubuzz.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Azman Shahidin, menyifatkan acara itu akan mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara TPM dan Appleseed selain meningkatkan pelaburan rentas sempadan bagi menggalakkan penyertaan pelabur budiman melabur dalam syarikat permulaan di Malaysia dan sebaliknya.

"TPM turut merancang untuk mencari peluang kolaborasi dengan rakan di Indonesia, Filipina, Vietnam dan Thailand pada akhir tahun ini," katanya.

Menurut Azman, TPM juga telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) membabitkan inisiatif kerjasama inkubasi dengan Bandung Techno Park di Indonesia lewat akhir tahun ini.

**KERATAN AKHABAR TEMPATAN
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 12 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)**

Angin kencang timur laut dijangka sehingga Sabtu

KUALA LUMPUR- Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan dijangka berterusan sehingga Sabtu ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan amaran kategori kedua itu berikutan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam boleh menyebabkan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

"Ini berbahaya kepada semua aktiviti perkапalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri," kata jabatan itu dalam kenyataan, semalam.

Angin kencang Timur Laut itu juga dijangka berterusan di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, dan Sarawak sehingga Sabtu ini dan berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut serta aktiviti sukan laut.

Selain itu, ribut petir yang membawa angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter di kawasan perairan Selat Melaka Utara dan Kuching dijangka berterusan sehingga awal petang ini.

Ribut petir di perairan Selangor dan Sarawak (Kuching, Rejang dan Mukah) pula dijangka berterusan sehingga awal petang ini dan keadaan ini juga berbahaya kepada bot-bot kecil. - Bernama